# Praktis ke arah PT3

## Bahagian A

*Pilih jawapan yang paling tepat.*

### 5.1 Empat Lokasi Tamadun Awal Dunia

1 Antara berikut, manakah merupakan tamadun yang terawal dunia?
MS Teks 94
- A Tamadun Indus
- B Tamadun Huang He
- C Tamadun Mesir Purba
- D Tamadun Mesopotamia

2 Maklumat berikut berkaitan dengan tamadun awal manusia.
MS Teks 94

> Tanah di antara dua sungai

Apakah tamadun tersebut?
- A Tamadun Indus
- B Tamadun Huang He
- C Tamadun Mesir Purba
- D Tamadun Mesopotamia

3 Antara berikut, manakah merupakan kerajaan dalam tamadun Mesopotamia?
MS Teks 94

| | |
|---|---|
| I Asyria | III Saqqarah |
| II Akkad | IV Memphis |

| | |
|---|---|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

4 Peta berikut menunjukkan perbandaran Tamadun Mesopotamia.
MS Teks 95




Binaan bandar yang berbentuk piramid tamadun tersebut yang dipanggil

| | |
|---|---|
| A zigurat | C binaan tanah liat |
| B tembok batu | D dinding batu bata |

5 Di Tamadun Mesopotamia, dinding besar dibina mengelilingi setiap bandar.
MS Teks 95
Apakah tujuan pembinaan dinding tersebut?
- A Melambangkan kekayaan bandar
- B Menjadi sempadan antara bandar
- C Mengukuhkan pertahanan bandar
- D Memudahkan proses mengutip cukai

6 Apakah fungsi pembentukan Negara-Kota Ur?
MS Teks 96
- A Sebagai pusat hiburan
- B Sebagai pusat pendidikan
- C Sebagai pusar penyelidikan
- D Sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan

7 Apakah tanaman yang diusahakan di luar kota Ur?
MS Teks 97
- A Teh
- B Gandum
- C Pokok kelapa
- D Kelapa sawit

8 Mengapakah Herodotus mengatakan Mesir sebagai hadiah Sungai Nil?
MS Teks 98
- A Kerana Sungai Nil membekalkan emas kepada penduduk
- B Kerana Sungai Nil membawa lumpur yang subur untuk pertanian
- C Kerana Sungai Nil menghubungkan kota dengan Sungai Euphrates
- D Kerana Sungai Nil telah berkembang menjadi pusat pelabuhan yang termasyhur

9 Maklumat berikut berkaitan dengan Tamadun Mesir Purba.
MS Teks 99

> Kerajaan Utara

Di manakah terletaknya Kerajaan Utara di Mesir Purba?
- A Hilir Sungai Nil
- B Hulu Sungai Nil
- C Kawasan berhampiran Sungai Nil
- D Kawasan perlindungan Sungai Nil

10 Siapakah raja yang terkenal semasa zaman Kerajaan Baru Mesir?
MS Teks 99

| | |
|---|---|
| A Raja Mennes | C Raja Ramses III |
| B Raja Ramses II | D Raja Ramses |



LIVEWORKSHEETS

**11** Peta berikut menunjukkan kawasan Lembah Sungai Indus.
MS Teks 100




Apakah kegiatan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Tamadun Indus?
**A** Menanam tebu
**B** Menanam buah-buahan
**C** Menanam pokok gandum
**D** Menanam gambir dan lada hitam

**12** Apakah bukti menunjukkan perancangan bandar Harappa telah mencapai tahap tamadun yang tinggi?
MS Teks 101
**A** Pembinaan dinding, benteng dan rumah
**B** Sistem perhubungan yang strategik
**C** Sistem teknologi yang canggih
**D** Sistem pendidikan yang baik

**13** Antara berikut, manakah pusat kerajaan Dinasti Shang?
MS Teks 103
**A** Anyang
**B** Luoyang
**C** Yangzhou
**D** Zhengzhou

## 5.2 Perbandingan Sumbangan Tamadun Awal

**14** Gambar berikut ialah binaan Zigurat dalam Tamadun Mesopotamia.
MS Teks 105



Apakah fungsi binaan tersebut?
**A** Kubu pertahanan
**B** Pusat pendidikan
**C** Rumah ibadat
**D** Negara kota

**15** Tamadun Mesir Purba terkenal dengan kemajuan binaan bangunan.
Antara berikut, yang manakah merupakan tinggalan agung tamadun tersebut?
I Sfinks
II Piramid
III Kolam mandi besar
IV Taman Tergantung Babylon

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**16** Maklumat berikut berkaitan dengan sistem perundangan dalam Tamadun Mesopotamia.
MS Teks 108

Kod Undang-undang Hammurabi

Apakah kepentingan sistem perundangan tersebut?
**A** Menjamin hak rakyat
**B** Menggalakkan perdagangan
**C** Mengelakkan serangan orang luar
**D** Melicinkan pemerintahan dan pentadbiran

**17** Mengikut kepercayaan masyarakat China, bagaimanakah seorang raja mendapat kuasa pemerintahan?
MS Teks 108
**A** Dipilih oleh rakyat
**B** Pemerintahan monarki
**C** Diiktiraf oleh golongan agama
**D** Mendapat mandat daripada syurga

**18** Apakah bukti kepesatan bidang pertanian dalam Tamadun Huang He?
MS Teks 109
I Pembinaan terusan
II Penggunaan teknologi luar
III Penciptaan penyisir tanah
IV Pengenalan teknologi pembajakan

**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**19** Gambar berikut menunjukkan tapak bandar terancang dalam Tamadun Indus.
MS Teks 110



Apakah faktor kejayaan pembinaan bandar terancang tersebut?
**A** Mementingkan kebersihan bandar
**B** Mengamalkan cara hidup beragama
**C** Perlaksanaan undang-undang yang ketat
**D** Kebolehan mengukur sukatan panjang dan masa dengan tepat



LIVEWORKSHEETS